

USIM pelopori pengajian Sains Islam

Penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai universiti awam pertama ditubuhkan oleh kerajaan yang bertunjangkan pengajian Islam dan mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam arus pendidikan perdana menjadikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-12 ini mempunyai keunikan tersendiri.

Menawarkan program pengajian dari peringkat Pra-Universiti (Pusat Tamhidi), pra siswazah hingga ke peringkat pasca siswazah memperlihatkan ianya adalah universiti yang menyeluruh dalam menawarkan peluang pengajian berkualiti di pelbagai peringkat.

Malah dengan mewajibkan hanya bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk pelajar menguasai kedua-dua bahasa ini dengan baik.

Selari dengan namanya yang menonjolkan dua entiti penting iaitu Sains dan Islam sudah memberi indikasi kepada masyarakat bahawa universiti ini membawa peranan dan tanggungjawab untuk mempelopori Sains Islam.

Sejak penubuhannya pada tahun 2000 sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia

(KUIM), kandungan program pengajiannya di setiap fakulti sudah menjurus kepada Sains Islam.

USIM kini mempunyai lapan buah fakulti iaitu Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) tidak mengasingkan Pengajian Islam dan Sains.

Melihat komitmen ini, Kementerian Pengajian Tinggi memilih USIM untuk menerajui sebuah konsortium di kalangan institusi pengajian tinggi Islam negara yang dinamakan I-IQRA, berperanan untuk memperkasakan perkongsian pintar dalam aktiviti penyelidikan.

Usaha ini akan direalisasikan melalui konsep Global Classroom yang diterajui USIM di kalangan IPT Serantau dan Negara-Negara Islam (OIC).

Bersesuaian dengan slogannya "USIM : Mempelopori Sains Islam, Memimpin Keilmuan", universiti pada awal tahun ini juga telah menubuhkan Institut Sains Islam (ISI) yang pertama seumpamanya di Malaysia.